

**TEKS UCAPAN**  
**PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR, UTeM**

---

**MAJLIS PRA PELANCARAN FV 2015**

**1 APRIL 2015 (RABU)**  
**5.00 PETANG, KAMPUS TEKNOLOGI, UTeM**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

**Yang Berhormat Dato' Seri Idris bin Jusoh**

Menteri Pendidikan II, Kementerian Pendidikan Malaysia

**Yang Berhormat Datuk Wira Haji Mad Yunos bin Husin**

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau  
dan Inovasi

**Yang Berbahagia, Tan Sri Dato' Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee bin Ladin**  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Yang Berbahagia Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti.

**Yang Berbahagia, Profesor Dr. Mohd Razali bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Yang Berbahagia, Profesor Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) merangkap  
Pengerusi Program FV Malaysia 2015

**Yang Berbahagia, Prof. Madya Dr. Izaidin bin Abdul Majid**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Pegawai - Pegawai, Kementerian Pendidikan Malaysia

Pengurusan Kanan Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Wakil - Wakil Universiti / IPT Tempatan

Majlis Perwakilan Pelajar UTeM

Tuan-Tuan , Puan –Puan Dan Hadirin-Hadirat Sekalian.

1. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapatlah kita bersama-sama dalam Majlis Pra-pelancaran FV Malaysia 2015 pada petang yang berakah ini. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, kerana sudi melapangkan masa untuk

bersama-sama dalam Majlis Pra Pelancaran FV Malaysia 2015. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pegawai - Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia dan semua peserta serta pegawai pengiring Universiti atau Institut Pengajian Tinggi tempatan yang turut hadir bersama dalam majlis ini.

2. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Seri dan para hadirin sekalian, FV Malaysia 2015 telah masuk edisi yang kelima di mana penganjurannya dilaksanakan setiap dua tahun sekali. Ianya mula diperkenalkan sebagai Formula Varsity sejak tahun 2006. Pada edisi tahun ini, Formula Varsity telah dijenamakan semula sebagai FV Malaysia yang lebih bercirikan global dan komersial. Namun Akronim

FV untuk Formula Varsity dikekalkan dan ditambah perkataan Malaysia untuk memperluaskan skop pertandingan agar lebih bercirikan global. FV juga membawa maksud F5, lima perkataan bermula dengan huruf F yang dikaitkan dengan kejohanan ini, iaitu *Fascinate, Feisty, Fiery, Fortitude, dan Furore*.

3. Sebagai makluman para hadirin juga konsep asal kejohanan ini adalah berasal daripada kejohanan Formula SAE yang diadakan di Amerika Syarikat dan Kanada. Kejohanan edisi 1 FV diadakan pada tahun 2006 dengan hanya penyertaan daripada Kolej Universiti Tun Hussien Onn (KUiTHO) dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) sahaja. Bermula tahun 2008, kejohanan ini terus

mendapat penyertaan yang menggalakkan iaitu 5 pasukan kepada 25 pasukan pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada 35 pasukan pada edisi ke 4. Bagi FV Malaysia 2015 pula, 43 pasukan telah mengesahkan penyertaan mereka setakat hari ini. Di samping itu, kejohanan pada edisi kali ini bakal berlangsung di Litar Antarabangsa Sepang yang pasti dapat menarik minat lebih banyak penyertaan.

5. Para hadirin sekalian, pada pagi tadi, para peserta turut diberikan pendedahan berkaitan FV menerusi Bengkel Teknikal FV Malaysia. Sehubungan itu diharapkan menerusi pertandingan sebegini, kebolehan dan kemahiran analisa pelajar-pelajar kejuruteraan dapat diuji di samping membolehkan semua ilmu yang diperoleh sepanjang

pengajian dapat diaplikasikan secara kerja berkumpulan. Selain itu melalui penganjuran pertandingan ini juga dapat membentuk *Generic Student Attributes* (GSA) dalam diri pelajar. Tambahan lagi Kejohanan FV Malaysia ini juga merupakan suatu platform yang baik untuk para pelajar dan penyelidik melebarkan jalinan kerjasama yang memberi fokus terhadap aspek spesifikasi dalam industri automotif. Semoga kejohanan ini dapat dijadikan landasan bagi perkongsian pintar dan seterusnya melahirkan jurutera F1 generasi baru yang berpotensi serta berbakat luar biasa.

6. Ingin saya maklumkan, bagi tujuan memberi peluang kepada semua pihak untuk berkongsi semangat FV Malaysia, pihak penganjur telah bersetuju untuk memberikan tiket masuk percuma ke FV Malaysia

2015 yang bakal berlangsung pada 21-24 Mei 2015 di Litar Antarabangsa Sepang. Justeru, marilah kita beramai-ramai memeriahkan majlis ini sebagai tanda sokongan terhadap penciptaan inovasi di kalangan generasi muda.

6. Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada YBM II di atas kesudian melapangkan masa untuk ke majlis ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) di atas penajaan serta sokongan terhadap kejohanan ini. Kepada para peserta saya ucapkan selamat berjaya, semoga ikatan silaturahim dan persaingan yang sihat antara para pelajar IPT ini akan terus

terbina demi manfaat bersama. Saya akhiri ucapan dengan serangkap pantun

**Bunga semambu semerbak mewangi,  
Di atas ranting melekat sialang;  
Menjana ilmu mencetus inovasi,  
Semoga FV Malaysia terus gemilang.**

Saya sudahi ucapan dengan Wabillahitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.